



PEMULA @UKM

GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT PEMULA (*START-UP*) DAN SYARIKAT TERBITAN (*SPIN-OFF*) UNIVERSITI



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**GARIS PANDUAN
PENUBUHAN SYARIKAT PEMULA (START-UP)
DAN
SYARIKAT TERBITAN (SPIN-OFF) UNIVERSITI**


Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
2022

ISI KANDUNGAN

01	PENGENALAN	1
02	TUJUAN	1
03	SKOP	1
04	TAFSIRAN	1 - 2
05	MAKSUD SINGKATAN	2
06	KATEGORI PENGLIBATAN DAN SYARAT-SYARAT	2 - 4
07	PROSEDUR PERMOHONAN	5 - 6
08	PROSEDUR PELESENAN TEKNOLOGI	7
09	PEMANTAUAN PRESTASI SYARIKAT PEMULA/ SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI	7
10	PENGUATKUASAAN	7
11	KEWAJIPAN MEMATUHI AKTA SYARIKAT	7 - 8
12	PENGLIBATAN STAF UKM DI DALAM SYARIKAT PEMULA/SYARIKAT TERBITAN UKM	8
13	PENGGUNAAN ASET, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN UKM	9 - 10
14	MANFAAT KEPADA UKM DAN KOMUNITI	10
15	PEMBATALAN STATUS SYARIKAT	11
16	LARANGAN	12
17	KUATKUASA	12
18	AKTA, PERATURAN DAN LAIN-LAIN	12
19	LAMPIRAN 1	13
20	LAMPIRAN 2	14
20	LAMPIRAN 3	15



INFORMATION



GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT PEMULA (START-UP) DAN SYARIKAT TERBITAN (SPIN-OFF) UNIVERSITI

1. PENGENALAN

Warga UKM yang ingin melaksanakan aktiviti **PENUBUHAN SYARIKAT PEMULA (START-UP) DAN SYARIKAT TERBITAN (SPIN-OFF) UNIVERSITI** perlu memahami dan mematuhi keperluan di bawah Garis Panduan ini. Permohonan untuk menubuhkan syarikat perlu mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan, perakuan Jawatankuasa Penilaian Penglibatan dan/atau Pemilikan Syarikat dan seterusnya kelulusan oleh Naib Canselor.

2. TUJUAN

Memberi panduan kepada staf dan pelajar UKM berkaitan tatacara penubuhan Syarikat Pemula dan Syarikat Terbitan Universiti.

3. SKOP

Skop melibatkan penubuhan syarikat oleh staf dan pelajar UKM. Sebarang urusan berkaitan pekerjaan luar adalah tertakluk kepada Peraturan 4, Akta Badan - Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

4. TAFSIRAN

“Ketua PTJ” ertinya Dekan / Pengarah / Ketua Pusat Tanggungjawab UKM.

“Pegawai” ertinya merujuk kepada pemegang-pemegang jawatan di UKM sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Perlembagaan UKM 2010.

“Pelajar UKM” ertinya mana – mana pelajar UKM yang berdaftar dengan UKM dan masih dalam tempoh pengajian dan mestilah serta berstatus warganegara.

“Pemilikan” ertinya staf UKM dan/atau pelajar UKM yang terlibat dengan pemilikan syarikat melalui penguasaan syer/saham.

“Pemohon” ertinya staf UKM yang berjawatan tetap dan berstatus warganegara Malaysia termasuk pelajar UKM yang masih dalam tempoh pengajian di UKM.

“Penglibatan” ertinya staf dan/atau pelajar UKM yang mengambil bahagian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan atau urusan apa-apa pengusahaan syarikat.

“Pusat Inkubasi Syarikat” ertinya Premis UKM yang menempatkan syarikat pemula dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti capaian internet, ruang mesyuarat, ruang kerja dan setakat yang disediakan sahaja.

“Staf UKM” ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan UKM 2010 dan mana-mana statut dan termasuklah pegawai dan guru serta berstatus warganegara.

“Syarikat” ertinya Syarikat Sdn. Bhd. yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

“Syarikat Pemula (Start – Up)” ertinya Syarikat Sdn. Bhd. yang ditubuhkan oleh staf UKM dan/atau pelajar UKM (tidak lebih daripada tiga (3) tahun), dan terlibat dalam pengkomersialan hasil penyelidikan UKM serta beroperasi dalam premis inkubasi Syarikat Pemula UKM.

“Syarikat Terbitan (Spin – Off)” ertinya Syarikat Pemula yang telah tamat program inkubasi dalam premis UKM dan/atau Syarikat Sdn. Bhd. yang ditubuhkan tidak lebih daripada tiga (3) tahun) oleh staf dan/atau pelajar UKM berdaftar dengan UKM namun tidak beroperasi dalam Pusat Inkubasi Syarikat UKM.

“Syer/Saham” ertinya apa-apa bukti hak milik staf/pelajar UKM ke atas sesuatu syarikat menerusi pegangan ekuiti/modal dengan merujuk kepada tafsiran syer/saham dalam Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

5. MAKSUD SINGKATAN

SINGKATAN	PERIHALAN
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
JKPPSU	Jawatankuasa Penilaian Penubuhan Syarikat Universiti (Pemula / Terbitan). Sila rujuk lampiran 3 bagi keahlian jawatankuasa ini.
MJPU	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
LPU	Lembaga Pengarah UKM
SDN. BHD.	Sendirian Berhad

6. KATEGORI PENGLIBATAN DAN SYARAT-SYARAT

6.1 Penglibatan penubuhan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu :

- a. Staf UKM;
- b. Pelajar Prasiswazah UKM; dan
- c. Pelajar Pascasiswazah UKM.

6.2. Syarat-syarat penglibatan di dalam penubuhan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti mengikut kategori:

a. Staf UKM:

- i. Staf akademik Gred 53/54 dan ke atas layak memohon. Bagi staf akademik di bawah Gred 53/54 boleh dipertimbangkan dengan kelulusan JKPPSU tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan; atau
- ii. Staf bukan akademik boleh dipertimbangkan berdasarkan pengalaman dalam bidang kepakaran berkaitan;
- iii. Taraf pelantikan jawatan staf UKM adalah tetap dan telah disahkan dalam jawatan;
- iv. Mencapai sekurang-kurangnya 85% markah penilaian prestasi tahunan untuk 3 tahun terakhir;
- v. Pemohon hendaklah berstatus warganegara Malaysia;
- vi. Pemohon tidak melibatkan diri dengan perolehan, kemudahan atau harta benda UKM atau aset UKM atau premis UKM kecuali yang disediakan oleh Urusetia Inovasi@UKM seperti Pusat Inkubasi Syarikat. Perolehan bagi tujuan validasi teknologi atau keperluan khusus adalah dibenarkan dengan merujuk kepada Garis Panduan Perolehan Bendahari UKM;
- vii. Perniagaan/perkhidmatan dilaksanakan hendaklah dilaksanakan dengan berhemah, memastikan tidak wujud percanggahan kepentingan antara pemohon dengan UKM, tidak menjejaskan tugas hakiki, tidak terlibat dengan unsur rasuah/integriti, dan tidak mendatangkan risiko reputasi, perundangan, kewangan dan lain-lain yang menjejaskan imej serta nama baik UKM; dan
- viii. Mana-mana staf UKM yang mendapat lantikan berhubung penglibatan dan/atau pemilikan syarikat oleh universiti/kementerian/badan professional/kerajaan/badan berkanun lain adalah tidak tertakluk kepada garis panduan ini tetapi perlu mendapatkan kebenaran Universiti untuk melakukan pekerjaan luar.

b. Pelajar Prasiswazah UKM:

- i. Pelajar prasiswazah yang berada di tahun kedua pengajian dan ke atas (semester 3 dan ke atas) sahaja dibenarkan;
- ii. Prestasi pengajian (Purata Nilai Gred Terkumpul) bagi tahun pertama adalah sekurang-kurangnya 2.50 ke atas;
- iii. Pemohon hendaklah berstatus warganegara Malaysia;
- iv. Pemohon tidak melibatkan diri dengan perolehan, kemudahan atau harta benda UKM atau aset UKM atau premis UKM kecuali yang disediakan oleh Urusetia Inovasi@UKM seperti Pusat Inkubasi Syarikat. Perolehan bagi tujuan validasi teknologi atau keperluan khusus adalah dibenarkan dengan merujuk kepada Garis Panduan Perolehan Bendahari UKM; dan

- v. Perniagaan/perkhidmatan dilaksanakan hendaklah dilaksanakan dengan berhemah, memastikan tidak wujud percanggahan kepentingan antara pemohon dengan UKM, tidak menjejaskan prestasi pengajian, tidak terlibat dengan unsur rasuah/integriti, dan tidak mendatangkan risiko reputasi, perundangan, kewangan dan lain-lain yang menjejaskan imej serta nama baik UKM.

c. Pelajar Pascasiswazah UKM:

- i. Pelajar pascasiswazah dibenarkan untuk menubuhkan syarikat pada tahun pertama pengajian (semester 1); dan
- ii. Keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pengajian prasiswazah adalah 3.0 ke atas bagi Universiti Awam Malaysia/Pusat Pengajian Swasta/ Pusat Pengajian Luar Negara; atau
- iii. Keputusan PNGK pengajian prasiswazah 2.99 ke bawah bagi Universiti Awam/ Pusat Pengajian Swasta/Pusat Pengajian Luar Negara dengan pengalaman bekerja sekurang – kurangnya 2 tahun; atau
- iv. Keputusan PNGK pengajian prasiswazah 2.99 ke bawah bagi Universiti Awam/ Pusat Pengajian Swasta/Pusat Pengajian Luar Negara tanpa pengalaman bekerja perlu mendapatkan surat sokongan Dekan/Pengarah;
- v. Pemohon hendaklah berstatus warganegara Malaysia;
- vi. Pemohon tidak melibatkan diri dengan perolehan, kemudahan atau harta benda UKM atau aset UKM atau premis UKM kecuali yang disediakan oleh Urusetia Inovasi@UKM seperti Pusat Inkubasi Syarikat. Perolehan bagi tujuan validasi teknologi atau keperluan khusus adalah dibenarkan dengan merujuk kepada garis panduan perolehan Bendahari UKM; dan
- vii. Perniagaan/perundingan/perkhidmatan dilaksanakan hendaklah dilaksanakan dengan berhemah, memastikan tidak wujud tiada percanggahan kepentingan antara pemohon dengan UKM, tidak menjejaskan prestasi pengajian, tidak terlibat dengan unsur rasuah/integriti, dan tidak mendatangkan risiko reputasi, perundangan, kewangan dan lain-lain yang menjejaskan imej serta nama baik UKM.

6.3. Jenis perniagaan yang akan dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- a. Perniagaan berteraskan penyelidikan; atau
- b. Perniagaan berteraskan kepakaran penyelidik/pelajar; atau
- c. Harta Intelek (IP) / Know How.

Penyertaan daripada pihak luar (industri/pihak berkepentingan) adalah dibenarkan.

7. PROSEDUR PERMOHONAN

Prosedur permohonan penubuhan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti seperti berikut:

7.1. Permohonan penubuhan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti.

a. Staf UKM

Dokumen yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :

- i. Borang permohonan penubuhan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti
- ii. Maklumat produk/teknologi yang bakal dikomersialkan;
- iii. CV ahli kumpulan/anggota syarikat;
- iv. Pembuktian prestasi pencapaian KPI tugas hakiki yang diperakukan oleh Dekan/Pengarah;
- v. Pelan Perniagaan;
- vi. Borang Perakuan Perlindungan Keraguan (Indemnity Form); dan
- vii. Borang Pengesahan Insurans Indemniti Profesional (PII)

b. Pelajar Prasiswazah UKM:

Dokumen yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :

- i. Borang permohonan penubuhan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti;
- ii. Maklumat produk/teknologi yang bakal dikomersialkan;
- iii. CV ahli kumpulan/ anggota syarikat;
- iv. Pembuktian prestasi pengajian yang diperakukan oleh Dekan/Pengarah;
- v. Pelan perniagaan;
- vi. Borang Perakuan Perlindungan Keraguan (Indemnity Form); dan
- vii. Borang Pengesahan Insurans Indemniti Profesional (PII).

c. Pelajar Pascasiswazah UKM:

Dokumen yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :

- i. Borang permohonan penubuhan Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti;
- ii. Maklumat produk/teknologi yang bakal dikomersialkan;
- iii. CV ahli kumpulan /anggota syarikat;
- iv. Surat tawaran Pascasiswazah UKM;
- v. Transkrip Akademik Pra Siswazah;

- vi. Surat pengesahan perkhidmatan oleh majikan jika pemohon tertakluk pada syarat-syarat perkara 8 (c) (iii); atau
- vii. Surat sokongan Dekan/Pengarah Institut jika pelajar dibawah PNGK 2.99 (keputusan Pra- Siswazah) tanpa pengalaman bekerja;
- viii. Pelan perniagaan;
- ix. Borang Perakuan Perlindungan Keraguan (Indemnity Form); dan
- x. Borang Pengesahan Insurans Indemniti Profesional (PII).

7.2 Sesi Pembentangan dan Penilaian Permohonan oleh Jawatankuasa Penubuhan Syarikat Universiti (Pemula/Terbitan).

Permohonan yang telah lengkap dan memenuhi syarat yang ditetapkan perlu membuat pembentangan dalam Mesyuarat JKPPSU untuk penilaian dan perakuan keputusan permohonan. Keahlian JKPPSU adalah seperti di lampiran 3.

7.3. Kelulusan penubuhan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti

Permohonan yang telah diperakukan oleh JKPPSU akan dimajukan kepada Naib Canselor untuk kelulusan penubuhan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti berdasarkan kuasa yang diturunkan oleh Senat di bawah Seksyen 4 Perlembagaan UKM 2010.

7.4. Pemakluman kelulusan penubuhan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti.

Urusetia mengemukakan surat kelulusan bersama dokumen sokongan berikut :

- i. Kod Etika Pengarah Syarikat;
- ii. Tanggungjawab Pengarah Syarikat; dan
- iii. Carta alir pelesenan teknologi kepada Syarikat Pemula/Terbitan Universiti.

7.5 Pendaftaran Syarikat Pemula/Terbitan Universiti di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

- i. Pemohon yang telah mendapat kelulusan Naib Canselor untuk menubuhkan Syarikat Pemula/ Terbitan Universiti perlu mendaftar syarikat di SSM dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan;
- ii. Pemohon perlu kemukakan dokumen pendaftaran syarikat daripada SSM kepada Urusetia INOVASI@UKM dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk tujuan pelesenan teknologi. Perincian dokumen adalah seperti berikut:
 - a. Sijil Pendaftaran Syarikat;
 - b. Borang 49; dan
 - c. Profil syarikat.
- iii. Kegagalan mengemukakan dokumen pendaftaran dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan kelulusan terbatal.

8. PROSEDUR PELESENAN TEKNOLOGI

Pemohon yang telah lulus permohonan penubuhan Syarikat Pemula/ Terbitan Universiti dan telah menubuhkan syarikat perlu mendapatkan pelesenan teknologi.

8.1. Prosedur pelesenan teknologi. Rujuk carta alir di lampiran 2.

8.2. Syarat pelesenan teknologi adalah seperti berikut:

- i. Yuran Pelesenan yang bernilai RM10,000.00 setiap tahun selama 3 tahun.
- ii. Royalti mengikut kadar yang dipersetujui untuk tempoh selepas 3 tahun.

9. PEMANTAUAN PRESTASI SYARIKAT PEMULA/SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI

Pemantauan prestasi Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti akan dilaksanakan secara berkala (setiap tiga (3) bulan) oleh Urusetia INOVASI@UKM meliputi aspek berikut:

- i. Maklumat kewangan syarikat untuk tujuan kutipan royalti tahunan;
- ii. Prestasi tugas hakiki staf atau pelajar UKM; dan
- iii. Prestasi Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan untuk tujuan pelaporan kepada Senat dan LPU (yang melibatkan kewangan).

10. PENGUATKUASAAN

Ketua PTJ bertanggungjawab memastikan syarat-syarat yang terkandung dalam Garis Panduan dan syarat-syarat kelulusan ini dipatuhi. Jika berlaku sebarang ketidakakuran, Ketua PTJ hendaklah mengambil tindakan yang bersesuaian.

UKM tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa implikasi perundangan atau tindakan undang-undang yang timbul akibat daripada penglibatan dan/atau pemilikan syarikat oleh staf dan pelajar UKM. Sekiranya penglibatan dan/atau pemilikan syarikat ini menjejaskan reputasi atau imej atau nama baik UKM, tindakan boleh diambil di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Kaedah-kaedah UKM (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 atau mana-mana akta, peraturan dan pekeliling berkaitan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

11. KEWAJIPAN MEMATUHI AKTA SYARIKAT

Kewajipan mematuhi Akta Syarikat dan Akta- akta lain adalah seperti berikut :

11.1. Akta Syarikat 2016.

- a. Setiap syarikat yang ditubuhkan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan tertakluk kepada Akta Syarikat 2016 selain dari peraturan yang ditetapkan oleh Perlembagaan UKM 2010.
- b. Pengurusan dan pentadbiran Syarikat Pemula/Syarikat Terbitan Universiti turut tertakluk kepada apa-apa peruntukan di bawah akta ini selain daripada peruntukan yang ditentukan oleh Universiti seperti berikut:

- i. Bahagian III Pengurusan Syarikat, Penggal 2 dan 3 :Tugas selaku Pengarah atau Ahli Lembaga Pengarah;
- ii. Bahagian III Pengurusan Syarikat, Penggal 2, Sub- penggal 4: Kepentingan melantik Setiausaha Syarikat;
- iii. Bahagian III Pengurusan Syarikat, Penggal 5, Sub- penggal 4, Mengadakan Mesyuarat;
- iv. Seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967: Tanggungjawab memfailkan dan membayar cukai kepada LHDN; dan
- v. Seksyen 257: Tanggungjawab menghantar dan memfailkan pulangan tahunan kepada SSM;

11.2. Patuh dengan liabiliti di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009.

11.3. Lain-lain Akta yang berkaitan.

12. PENGLIBATAN STAF UKM DI DALAM SYARIKAT PEMULA/SYARIKAT TERBITAN UKM

12.1. Mana-mana staf UKM yang terlibat dalam syarikat pemula/syarikat terbitan UKM, dibenarkan untuk :

- i. Memberi perkhidmatan seperti kerja pengajaran, perundingan, penyelidikan dan seumpamanya;
- ii. Kadar jam maksimum dalam seminggu atau setahun yang ditetapkan oleh Universiti;
- iii. Kadar elaun mesyuarat dibayar selepas mesyuarat tamat manakala pembayaran yuran sebagai wakil lembaga pengarah adalah dibayar setahun sekali mengikut keputusan semasa LPU;
- iv. Kadar bayaran maksimum yang boleh diterima dalam sebulan, setiap setengah tahun atau setahun sekali sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti.

12.2. Staf UKM tidak digalakkan memegang sebarang syer/ saham dalam Syarikat Pemula/Terbitan Universiti bagi mengelakkan Staf UKM daripada terdedah kepada risiko konflik kepentingan yang boleh menjejaskan kedudukannya sebagai staf Badan Berkanun tertakluk kepada pekeliling kerajaan. Walau bagaimanapun, Staf UKM dibenarkan memiliki syer/saham dengan syarat-syarat seperti yang ditetapkan oleh pekeliling Kerajaan yang sedang berkuatkuasa. Sebarang penerimaan royalti, ganjaran dan yuran perundingan adalah dibenarkan tertakluk kepada pekeliling kerajaan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

13. PENGGUNAAN ASET, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN UKM

13.1. Aset, Kemudahan dan Perkhidmatan UKM

UKM boleh membenarkan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti menggunakan aset, kemudahan dan perkhidmatan asas yang dimiliki oleh Universiti, seperti Pusat Inkubasi Syarikat. Ia tidak boleh dibeli, dijual, dicagar atau dipindahmilik bagi dijadikan hakmilik Syarikat Pemula/Terbitan Universiti.

13.2. Caj Penggunaan

Setiap penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan Universiti oleh Syarikat Pemula/Terbitan Universiti selain yang dinyatakan dalam Para 13.1 di atas, hendaklah dikenakan bayaran sama ada berbentuk sewa atau caj berdasarkan kadar yang telah ditetapkan oleh Universiti.

13.3. Aset dan Kemudahan

- i. Aset adalah harta benda kepunyaan atau milikan atau di bawah kawalan Universiti dan terbahagi kepada dua iaitu aset tetap dan inventori.
- ii. Kemudahan merangkumi lekapan dan kelengkapan yang diperlukan seperti kemudahan pendingin hawa, talian rangkaian internet, perabot, utiliti dan sebagainya.
- iii. Setiap penggunaan aset dan kemudahan perlu dikenakan caj bayaran mengikut jenis aset dan kemudahan tersebut seperti ruang kaki persegi, masa penggunaan, jarak, bilangan pengguna dan sebagainya.
- iv. Universiti boleh mengenakan caj tambahan atau ganti rugi kepada Syarikat Pemula/Terbitan Universiti sekiranya terdapat keperluan atau kerosakan.
- v. Syarikat Pemula/Terbitan Universiti perlu mendapatkan kebenaran penggunaan aset daripada pemilik aset PTJ berkenaan.

13.4. Perkhidmatan

- i. Perkhidmatan adalah merujuk kepada kepakaran, guna tenaga, perundingan atau apa-apa bentuk khidmat yang boleh ditawarkan. Contohnya khidmat kepakaran dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan dan sebagainya.
- ii. Kadar bagi setiap perkhidmatan boleh dirujuk kepada kadar yang ditetapkan oleh Universiti atau berdasarkan kadar pasaran semasa.
- iii. Setiap perkhidmatan yang ingin diperoleh perlu mendapat kelulusan Universiti/ PTJ/ Individu (Pekerja) yang berkaitan.
- iv. Pembayaran penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan Universiti hendaklah dijelaskan sepenuhnya kepada **UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA** dalam tempoh yang ditetapkan.

13.5. Keutamaan dalam Penggunaan Aset, Kemudahan dan Perkhidmatan

- i. Penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan oleh Syarikat Pemula/ Terbitan Universiti adalah tertakluk kepada kebenaran Universiti dan tidak akan menjejaskan kepentingan dan kebajikan staf UKM dan pelajar UKM serta tidak melibatkan konflik kepentingan.
- ii. Syarikat Pemula/Terbitan Universiti hendaklah mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan bagi penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan Universiti. Universiti berhak mengambil tindakan undang-undang atas sebarang kegagalan syarikat mematuhi peraturan yang ditetapkan.

14. MANFAAT KEPADA UKM DAN KOMUNITI

Syarikat Pemula/Terbitan Universiti ditubuhkan berperanan sebagai penghubung antara Universiti dan komuniti melalui aktiviti yang dilaksanakannya.

14.1. Manfaat kepada Universiti dalam bentuk:

- i. Membantu dalam menjana pendapatan kepada Universiti bagi mengurangkan kebergantungan kewangan daripada Kerajaan;
- ii. Menaikkan nama Universiti sebagai sebuah Universiti Awam yang terkemuka dalam aspek pemindahan teknologi, Insertion of New Technology, perkongsian dan pertukaran kepakaran dengan pihak industri dan institusi lain;
- iii. Memberi peluang kepada staf UKM untuk menimba pengalaman dalam budaya kerja korporat melalui aktiviti keusahawanan Syarikat Pemula/ Terbitan Universiti sekaligus meningkatkan ilmu, tahap kepakaran dan pendapatan sampingan;
- iv. Mempercepatkan proses membuat keputusan dalam aktiviti pengkomersialan dan perundingan, dengan itu menjadikan Universiti lebih efisien, berkualiti dan dinamik; dan
- v. Membina reputasi UKM melalui aktiviti jalinan strategik, perkongsian pintar dan usaha sama melalui kerjasama dan penubuhan syarikat bersekutu dengan agensi kerajaan dan syarikat multinasional atau tempatan.

14.2. Manfaat kepada komuniti dalam bentuk:

- i. Memberi peluang kepada komuniti untuk meningkatkan kemahiran dan peningkatan kerjaya melalui latihan eksekutif dan profesional;
- ii. Memberi penyelesaian kepada permasalahan yang dialami oleh pihak industri melalui teknologi yang dibangunkan oleh universiti;
- iii. Menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan; dan
- iv. Membantu masyarakat yang kurang upaya atau kemampuan atas dasar tanggungjawab sosial korporat (corporate social responsibility).

15. PEMBATALAN STATUS SYARIKAT

15.1. Pembatalan Status Syarikat Pemula/Terbitan Universiti

Status Syarikat Pemula/Terbitan Universiti akan dibatalkan dan kebenaran penubuhan dan/atau penglibatan staf dan/atau Pelajar UKM akan ditarik balik jika:

- i. Syarikat Pemula/Terbitan Universiti tersebut menerima arahan penggulungan oleh mahkamah;
- ii. Syarikat Pemula/Terbitan Universiti melanggar atau gagal memenuhi perjanjian pelesenan;
- iii. Keterlibatan staf dan/atau pelajar dalam Syarikat Pemula/Terbitan Universiti menjejaskan prestasi kerja hakiki atau pelajaran dengan pengesahan oleh Fakulti/Institut/Pusat;
- iv. Syarikat Pemula/Terbitan Universiti terlibat dalam aktiviti jenayah atau perkara yang menjejaskan nama baik serta reputasi Universiti;
- v. Syarikat Pemula/Terbitan Universiti gagal dalam aktiviti pengkomersialan dan mengalami kerugian yang menjejaskan operasi syarikat; dan
- vi. Syarikat Pemula/Terbitan Universiti melanggar undang- undang Malaysia.

15.2. Kesan akibat Pembatalan Status Syarikat Pemula/Terbitan Universiti adalah seperti berikut:

- i. Tidak dianggap dan disenaraikan sebagai Syarikat Pemula/Terbitan Universiti;
- ii. Tidak boleh menggunakan terma “Syarikat Pemula/Terbitan Universiti” di dalam syarikat milikan Pekerja UKM/ Pelajar UKM tersebut;
- iii. Perjanjian Pelesenan Teknologi yang telah ditandatangani akan ditamatkan dan/ atau terbatal; dan
- iv. Tidak mempunyai hak untuk menggunakan dan mengkomersilkan teknologi UKM dan mesti memulangkan teknologi yang diperolehi dengan segera.
- v. Pembatalan status sebagai Syarikat Pemula/Terbitan Universiti yang telah diperakukan oleh JKPPSU akan dimajukan kepada Naib Canselor berdasarkan kuasa yang diturunkan oleh Senat.

16. LARANGAN

Syarikat Pemula/Terbitan Universiti tidak dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti yang melanggar hukum syarak (syariah), yang tidak bermoral dan apa-apa peraturan dan undang-undang.

17. KUATKUASA


Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya diluluskan oleh Senat.

18. AKTA, PERATURAN DAN LAIN-LAIN

Garis panduan ini perlu dibaca bersama panduan/pekeliling berikut:


- i. Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (Pindaan) 2019 [Akta 30];
- ii. Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010
- iii. Akta Syarikat 2016 [Akta 777];
- iv. Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605];
- v. Garis Panduan Integriti Akademik Institusi Pengajian Tinggi Malaysia;
- vi. Dasar Pengkomersialan Harta Intelekt UKM 2018;
- vii. Buku Panduan Integriti UKM (Cetakan Pertama, 2019);
- viii. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) JPA.BK(S8201/8(29) bertarikh 6 Mac 2014 mengenai Pemantauan Ke Atas Pegawai Awam Yang Menjalankan Perniagaan Dalam Talian (Rujuk Jabatan Pendaftar);
- ix. Garis Panduan Perundangan, Pengurusan dan Pengkomersialan Harta Intelekt Universiti Awam (Kementerian Pengajian Tinggi); dan
- x. Garis Panduan Tadbir Urus Pengurusan Kewangan Anak Syarikat dan Subsidiari.
- xi. Statut / Peraturan-Peraturan / Garis Panduan berkaitan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa;

Carta Alir Permohonan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti



Pemohonan penurunan kuasa kepada Naib Canselor sebagai pelulus kepada Syarikat Pemula/Terbitan Universiti (dalam tindakan senat).

Carta Alir Permohonan Syarikat Pemula/Terbitan Universiti



Keahlian Jawatankuasa Penilaian Penubuhan
Syarikat Universiti (Pemula / Terbitan)

Bil.	Peranan	Ahli
1.	Pengerusi	Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
2.	Penyelaras	Pengarah, Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi
3.	Ahli Jawatankuasa	Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Instrumentasi
4.	Ahli Jawatankuasa	Pengarah, Pusat Idea UKM
5.	Ahli Jawatankuasa	Pengarah, UKM-Pusat Pembangunan Keusahawanan & EKS (UKM-CESMED)
6.	Ahli Jawatankuasa	Penasihat Undang-Undang, Pejabat Penasihat Undang-Undang
7.	Ahli Jawatankuasa	Wakil, Ahli Lembaga Pengarah UKM Technology Sdn. Bhd.
8.	Ahli Jawatankuasa	Wakil Fakulti Pengajian Ekonomi dan Perniagaan
9.	Ahli Jawatankuasa	Dekan/Ketua Jabatan/Ketua PTj bagi pemohon yang terlibat

